

## Pembentukan Akhlak Pelajar Menerusi Aplikasi Teknik-Teknik Penerapan Nilai dalam Pengajaran

Mohamad Khairi Haji Othman (PhD)

### ABSTRACT

Akhlaq and moral values among students intended to be produced by the national education system can be achieved through inculcation of noble values in teaching. Therefore, this article presents the findings related to the students' perception of the techniques of inculcating noble values in teaching of Malay Language, History, English and Mathematics. This study used a quantitative descriptive survey research design. A total of 448 form four students from daily secondary national schools in Peninsular Malaysia participated in the survey with questionnaires as data collection instruments. The descriptive analysis findings revealed that the students' perception of the techniques of inculcating noble values in general in teachers' teaching of Malay Language, History, English and Mathematics was moderately high. This study found that the most used technique of inculcating noble values practiced for four subjects was role model; it was shown applied at moderately high level. In conclusion, this implies that in forming the character of students, teachers need to more frequently show a good example and be role models in terms of the student behavior, using examples from an individual's daily life by associating values and show examples of values that can be practiced in daily life.

**Keywords:** *Akhlaq, moral values, role model, student behavior, technique*

Pusat Pengajian Pendidikan dan  
Bahasa Moden  
Universiti Utara Malaysia  
Kedah  
[m\\_khairi@uum.edu.my](mailto:m_khairi@uum.edu.my)

## PENGENALAN

Negara Malaysia sedang mengorak langkah sedaya upaya bagi mencapai status negara maju menjelang Wawasan 2020. Tidak dapat dinafikan bahawa, untuk mencapai Wawasan ini, modal insan adalah harta yang boleh dibangunkan nilai intelek dan diperbanyakkan modal budayanya. Mewujudkan modal insan berkualiti bergantung kepada pendidikan berkualiti yang mampu menghasilkan individu yang mempunyai jati diri kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan terus didokong dengan memberi pendidikan yang seimbang melalui elemen nilai, etika dan kerohanian yang harus dipupuk dalam pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Usaha ini dapat dijalankan dengan menerapkan nilai-nilai murni sama ada secara formal atau tidak formal. Masyarakat dan anggota keluarga memainkan peranan penting dalam pemupukan nilai dan sahsiah individu yang positif secara tidak formal. Walau bagaimanapun, pemupukan nilai ini akan lebih terarah jika disampaikan melalui sistem pendidikan formal yang jelas strukturnya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

Menurut Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1988) penerapan nilai-nilai murni menjadi tajuk utama dalam sistem pendidikan khususnya bagi menyediakan anak bangsa yang mempunyai ketahanan diri yang teguh. Hasrat ini hanya akan tercapai jika anak bangsa menghayati nilai-nilai murni untuk menjamin peribadi dan sahsiah yang waja. Untuk mencapai hasrat tersebut beliau menjelaskan Kementerian Pendidikan mengambil strategi untuk menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum, iaitu:

....nilai-nilai murni akan disisipkan melalui semua mata pelajaran dan ia diperkukuhkan pula melalui kegiatan-kegiatan kokurikulum dan pembentukan budaya sekolah yang positif. Ringkasnya, kedua-dua bentuk kurikulum, formal dan tidak formal, di dalam dan di luar bilik darjah, akan digunakan sepenuhnya dan secara bersepadu untuk memastikan penerapan nilai-nilai murni akan berhasil dan berkesan (Wan Mohd Zahid Mohd. Noordin, 1988, hlm. 9).

Daripada pernyataan ini jelas bahawa konsep penerapan nilai murni merentas kurikulum merupakan strategi utama bagi memastikan tercapainya matlamat kesepaduan pendidikan mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, demi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Namun begitu, penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran menghadapi beberapa masalah. Realiti yang berlaku dalam kesediaan dan amalan penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran bagi mata pelajaran di sekolah-sekolah amat merunsingkan di mana penekanan nilai-nilai murni adalah kurang (Mohd. Uzi Dollah, 2007; Noor Lela Ahmad, 2008). Ini kerana guru masih menumpukan kepada penyampaian isi kandungan mata pelajaran dan pencapaian akademik murid-murid sahaja. Selain itu, guru kurang menguasai prinsip, kaedah dan teknik penerapan nilai dalam pengajaran, tidak mendapat pendedahan yang cukup berhubung dengan penerapan nilai dan menghadapi kesuntukan masa untuk menjalankan strategi penanaman nilai dalam pengajaran. Oleh itu kajian ini akan membincangkan satu aspek yang menjadi isu dan persoalan, iaitu berkaitan dengan teknik-teknik penerapan nilai dalam pengajaran yang diaplikasi oleh guru berdasarkan persepsi pelajar.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik.

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan deskriptif berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden. Sampel kajian ini adalah seramai 448 orang pelajar tingkatan empat sekolah menengah harian Semenanjung Malaysia yang telah dipilih secara rawak.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Item-item dalam soal selidik ini dibina dan diubah suai dengan merujuk beberapa kajian lepas seperti kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (1999), Robiah Kulop Hamzah (2001), Zaridah Othman (2005) dan Noor Lela Ahmad (2008). Dalam kajian ini fokus teknik penerapan nilai murni hanya membataskan tujuh teknik berdasarkan Pendekatan Penanaman Nilai (Robiah Kulop Hamzah, 2001; Superka et al., 1976; Teuku Ramli Zakaria, 1997). Sebanyak 29 item dikemukakan dalam bahagian ini. Setiap item dalam soal selidik ini dijawab menggunakan skala Likert lima poin.

Kesahan muka dan kandungan instrumen yang digunakan dalam kajian telah diperakui dan mendapat persetujuan lima orang panel pakar. Panel pakar telah menilai kandungan item-item soal selidik dan mendapatinya mencukupi, mencakupi dan sesuai untuk mendapatkan maklumat berkaitan penerapan nilai murni dalam pengajaran.

Seterusnya bagi menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen dan memantapkan item-item soal selidik, ujian Cronbach alpha dijalankan dan didapati nilai alpha bagi setiap bahagian item berada di atas .6. Keseluruhan item persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran ialah antara .89 hingga .94. Ini menunjukkan instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Ia berdasarkan pendapat ramai penyelidik mencadangkan bahawa nilai pekali alpha yang melebihi .8 lazimnya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima bagi sesuatu instrumen (Aiken, 2000; Brymen & Cramer, 1999; Zaidatun Tasir & Mohd. Salleh Abu, 2003).

Semua item soal selidik dianalisa dengan menggunakan perisian Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) versi 20.0 secara deskriptif dengan statistik yang digunakan ialah min dan sisihan piawai. Bagi menentukan tahap persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran, interpretasi dibuat berdasarkan seperti tata cara dalam pengiraan sela jeda yang dibina oleh Bahaman Abu Samah dan Turiman Suandi (1999) dan mengikut rumusan yang disarankan oleh Nunnally (1978) seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1:  
*Tafsiran Skala Min bagi Interpretasi Persepsi Pelajar Terhadap Teknik Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru*

Julat Skor Min	Tahap
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana tinggi
2.01-3.00	Sederhana rendah
1.00-2.00	Rendah

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 2 dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan skor min persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru seperti berikut: Bahasa Melayu ( $M = 3.45$ ,  $SP = .63$ ), Sejarah ( $M = 3.31$ ,  $SP = .68$ ), Bahasa Inggeris ( $M = 3.40$ ,  $SP = .76$ ) dan Matematik ( $M = 3.21$ ,  $SP = .83$ ). Ini bermakna secara keseluruhan dapatan ini menjelaskan bahawa persepsi pelajar terhadap amalan teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik adalah berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 2: Persepsi Pelajar Terhadap Teknik Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru

Teknik Penerapan Nilai Murni	Mata pelajaran							
	BM		Sej		BI		Matematik	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP
Pengukuhan positif	3.36	.84	3.27	.89	3.31	.98	3.33	.96
Pengukuhan negatif	3.25	.88	3.19	.89	3.31	.94	3.32	.91
Simulasi	2.87	1.14	2.74	1.12	3.04	1.21	2.67	1.26
Model/Contoh	3.97	.71	3.88	.76	3.85	.81	3.72	.85
Kuliah/Syarah	3.76	.77	3.61	.83	3.51	.91	3.24	1.04
Perbincangan	3.70	.86	3.43	.97	3.50	.98	3.18	1.12
Main Peranan	3.27	1.06	3.08	1.09	2.29	1.16	2.96	1.24
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.45</b>	<b>.63</b>	<b>3.31</b>	<b>.68</b>	<b>3.40</b>	<b>.76</b>	<b>3.21</b>	<b>.83</b>

Merujuk kepada Jadual 2 juga didapati teknik penerapan nilai murni yang paling tinggi diamalkan bagi keempat-empat mata pelajaran tersebut ialah teknik model/contoh dan menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi. Ini memberi gambaran bahawa guru lebih kerap menunjukkan contoh dan teladan yang baik dari segi tingkah laku kepada pelajar, menggunakan contoh tentang kehidupan harian seseorang individu dengan mengaitkan nilai murni dan menunjukkan contoh-contoh nilai murni yang boleh diamalkan dalam kehidupan harian.

Teknik kuliah/syarah dan teknik perbincangan merupakan teknik kedua dan ketiga tinggi yang diamalkan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Bahasa Inggeris dan menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi.

Bagi mata pelajaran Matematik pula teknik pengukuhan positif dan pengukuhan negatif merupakan teknik kedua dan ketiga tinggi yang diamalkan dan ia juga menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi. Manakala teknik yang paling rendah diamalkan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik ialah teknik simulasi yang menunjukkan amalan pada tahap sederhana rendah. Sementara itu, teknik main peranan menunjukkan amalan pada tahap sederhana rendah dan teknik yang paling rendah diamalkan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Seterusnya dipaparkan dapatan kajian berkaitan dengan taburan min dan sisihan piawai item-item persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru (Jadual 3).

Jadual 3: Taburan Min dan Sisihan Piawai Item-item Persepsi Pelajar Terhadap Teknik Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru bagi Dimensi Teknik Pengukuhan Positif dan Negatif

Bil	Pernyataan	Mata Pelajaran							
		BM		Sej		BI		Matematik	
		Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP
<b>Pengukuhan positif:</b>									
1.	Guru memuji tingkah laku baik yang saya lakukan.	3.71	1.01	3.61	1.08	3.63	1.14	3.69	1.07
2.	Guru memberi pujian dan galakan apabila pelajar bertingkah laku mengikut peraturan sekolah.	4.00	.93	3.91	1.01	3.75	1.03	3.83	1.03
3.	Guru memberi hadiah kepada pelajar yang menunjukkan nilai moral dan akhlak yang baik.	2.67	3.05	2.59	1.32	2.83	1.45	2.83	1.42
4.	Guru mengiktiraf pelajar yang menyertai kegiatan sosial seperti gotong royong, melawat rumah anak yatim.	3.05	1.32	2.98	1.30	3.02	1.36	2.98	1.37
<b>Pengukuhan negatif:</b>									
5.	Guru mendenda pelajar yang membuat bising dalam kelas supaya keadaan kelas tenang.	3.19	1.28	3.09	1.28	3.25	1.28	3.22	1.28
6.	Guru tidak memulakan pengajaran selagi pelajar tidak membersihkan kelas.	3.02	1.22	3.02	1.28	3.14	1.28	3.12	1.21
7.	Guru marah kepada pelajar yang melakukan perkara tidak sopan.	4.06	.97	3.96	.99	3.84	1.09	3.83	1.04
8.	Guru mempamerkan nama pelajar yang tidak menyiapkan kerja sekolah supaya pelajar tersebut tidak mengulanginya.	2.86	1.38	2.77	1.39	2.94	1.39	3.02	1.34
9.	Guru menghukum pelajar yang melakukan tingkah laku yang tidak baik dengan segera.	3.14	1.21	3.12	1.24	3.37	1.25	3.39	1.21

Merujuk Jadual 3, bagi dimensi teknik pengukuhan positif item guru memberi pujian dan galakan apabila pelajar bertingkah laku baik dan mengikut peraturan sekolah adalah amalan yang tertinggi bagi setiap mata pelajaran dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik. Ini bermakna guru amat menekankan aspek pujian semasa pengajaran berbanding aspek lain. Bagi dimensi teknik pengukuhan negatif didapati bagi setiap mata pelajaran yang dikaji menunjukkan item guru marah kepada pelajar yang

melakukan perkara tidak sopan adalah amalan yang tertinggi. Secara tidak langsung cara ini dapat membentuk akhlak dan nilai murni pelajar.

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4 bagi dimensi teknik model/ccontoh pula didapati item guru menunjukkan contoh dan teladan yang baik dari segi tingkah laku kepada pelajar adalah tertinggi bagi setiap mata pelajaran dan menunjukkan tahap amalan yang sederhana tinggi berdasarkan persepsi pelajar. Ini bermakna guru sangat kerap menunjukkan contoh teladan yang baik kepada pelajar sebagai satu cara menerapkan nilai dalam membentuk akhlak pelajar.

Jadual 4: Taburan Min dan Sisihan Piawai Item-item Persepsi Pelajar Terhadap Teknik Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru bagi Dimensi Teknik Simulasi, Model, Syarahan, Perbincangan dan Main Peranan

Bil	Pernyataan	Mata pelajaran							
		BM		Sej		BI		Mate	
		Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP
<b>Simulasi / Lakon semula:</b>									
10	Guru mengadakan aktiviti lakonan semula yang menyerupai keadaan sebenar sesuatu perkara/isu dan menerangkan nilai-nilai murni yang berkaitan.	2.92	1.31	2.73	.126	3.06	1.34	2.64	1.38
11	Guru mengadakan aktiviti lakonan semula yang melibatkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian semasa sesi pengajaran.	2.90	1.33	2.74	1.26	3.03	1.29	2.66	1.33
12	Guru menyediakan senario-senario aktiviti lakonan semula yang berkaitan dengan nilai-nilai murni.	2.87	1.30	2.79	1.27	2.99	1.34	2.65	1.34
13	Guru melibatkan semua pelajar dalam aktiviti lakonan semula yang diadakan.	2.80	1.33	2.70	1.33	3.08	1.38	2.73	1.37
<b>Model:</b>									
14	Guru menjadikan rakan lain/tokoh sebagai contoh perlakuan baik.	3.79	1.00	3.68	1.07	3.74	1.07	3.65	1.13
15	Guru menunjukkan contoh dan teladan yang baik dari segi tingkah laku kepada pelajar.	4.10	.90	4.03	.94	4.02	.93	3.94	.99
16	Guru gunakan contoh tentang kehidupan harian seseorang individu dengan mengaitkan nilai murni.	3.99	.88	3.89	.97	3.81	1.00	3.63	1.11
17	Guru menunjukkan contoh-contoh nilai murni yang boleh diamalkan dalam kehidupan harian.	3.98	.96	3.93	.99	3.83	1.05	3.67	1.13

**Kuliah / Syarahan:**

18	Guru menerapkan nilai murni dengan cara menjelaskan maksud nilai murni.	3.89	.94	3.71	1.02	3.53	1.14	3.23	1.27
19	Guru mengutamakan penerangan nilai murni satu demi satu.	3.47	1.17	3.33	1.18	3.29	1.26	3.05	1.35
20	Guru menjelaskan peraturan dan larangan di sekolah dan memberi sebab-sebab kenapa pelajar mengamalkannya.	3.79	1.07	3.70	1.11	3.65	1.08	3.46	1.19
21	Guru menceritakan sesuatu isu yang ada kaitan dengan pelajaran dan menerangkan nilai-nilai murni tertentu.	3.89	1.00	3.69	1.05	3.56	1.12	3.25	1.22

**Bincang:**

22	Guru mengadakan sesi perbincangan untuk pupuk nilai murni	3.71	1.08	3.51	1.15	3.48	1.17	3.28	1.29
23	Guru menjalankan pelbagai aktiviti kumpulan yang dapat memupuk sikap kerjasama dalam kalangan pelajar.	3.59	1.14	3.34	1.21	3.50	1.17	3.19	1.28
24	Guru membahagikan pelajar kepada kumpulan-kumpulan kecil untuk sesi perbincangan.	3.62	1.16	3.23	1.26	3.39	1.24	3.00	1.31
25	Guru memastikan semua pelajar terlibat dalam aktiviti perbincangan.	3.87	1.04	3.64	1.17	3.63	1.16	3.29	1.31
26	Guru menggalakkan pelajar melakukan lakonan spontan mengenai sesuatu situasi dan merumuskan nilai-nilai murni yang berkaitan.	3.15	1.27	2.96	1.24	3.23	1.36	2.86	1.38
27	Guru memberi peluang kepada pelajar untuk memainkan peranan watak-watak tertentu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran seperti sebagai seorang tokoh/ketua dan mengaitkannya dengan nilai-nilai tertentu.	3.22	1.29	3.02	1.28	3.23	1.29	2.86	1.37

28	Guru menjalankan aktiviti main peranan supaya pelajar dapat mengalami keadaan dan perasaan orang lain dalam kesusahan.	3.32	1.21	3.18	1.28	3.32	1.24	3.05	1.34
29	Guru memberi peluang kepada pelajar untuk beraksi dalam situasi yang berkaitan dengan isu/konsep yang dipelajari.	3.39	1.24	3.19	1.28	3.38	1.31	3.05	1.40

Bagi teknik kuliah/syarahan item guru menerap nilai murni dengan cara menjelaskan maksud nilai murni adalah amalan yang tertinggi bagi guru Bahasa Melayu dan Sejarah dan ia adalah amalan yang terendah bagi guru Bahasa Inggeris dan Matematik. Sementara itu, berdasarkan persepsi pelajar terhadap guru Bahasa Inggeris dan Matematik didapati amalan yang tertinggi ialah guru menjelaskan peraturan dan larangan disekolah dan memberi sebab-sebab kenapa pelajar mengamalkannya. Walau bagaimanapun persepsi pelajar terhadap item bagi semua guru menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi (Jadual 4).

Merujuk Jadual 4, dari segi teknik perbincangan didapati bahawa guru memastikan semua pelajar terlibat dalam aktiviti perbincangan merupakan amalan yang tertinggi bagi setiap guru dan menunjukkan amalan pada tahap yang sederhana tinggi.

#### PERBINCANGAN

Dapatan kajian persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik secara keseluruhannya menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa dapatan kajian ini selari dengan teori penerapan nilai oleh Superka et al. (1976) bahawa teknik yang digunakan dalam proses pembelajaran menurut pendekatan ini – iaitu keteladanan, pengukuhan positif dan negatif, simulasi, main peranan, perbincangan dan syarahan – boleh membantu dalam membentuk akhlak pelajar.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan teknik penerapan nilai murni yang paling tinggi dan kerap diamalkan bagi keempat-empat mata pelajaran tersebut berdasarkan persepsi pelajar ialah teknik model/ccontoh yang menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini selaras dengan kajian Mohd Khamdani Sairi (2010) yang menunjukkan pengetua telah menggunakan pendekatan penanaman nilai melalui teknik model dalam kepimpinan pengajaran. Melalui teknik ini pengetua dapat menjadikan nilai-nilai murni dalam dirinya dan pengurusannya sebagai contoh teladan kepada guru-guru dan kakitangan.

Dapatan kajian ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi bahawa teknik model adalah penting dan merupakan teknik yang paling kerap diamalkan oleh guru berdasarkan persepsi pelajar dan juga oleh pengetua sekolah berdasarkan perspektif pengetua dan guru sendiri. Namun begitu, dapatan ini berlainan dengan hasil kajian Robiah Kulop Hamzah (2001) dan Zaridah Othman (2005) yang mendapati guru lebih kerap menggunakan teknik pengukuhan positif.

Dalam teknik model/ccontoh didapati item guru menunjukkan contoh dan teladan yang baik dari segi tingkah laku kepada pelajar adalah tertinggi bagi setiap mata pelajaran. Justeru, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa guru dapat menjadi model pengamal nilai yang baik, pembentuk akhlak, penerap nilai dan penunjuk teladan dan akhlak yang positif kepada pelajar dan masyarakat. Dapatan ini selaras dengan kajian Chang Lee Hoon (2006) yang menjelaskan bahawa setiap guru adalah contoh dan perlu menunjukkan nilai-nilai yang dimiliki kerana pelajar memerhati tingkah laku guru.

Dapatan ini juga menyokong kajian Kutnick (1990) yang mendapati dari segi teknik pengajaran dan penerapan nilai guru-guru suka menggunakan teknik model atau contoh. Menjadi *role model* kepada pelajar juga adalah



saranan yang dikemukakan oleh Halstead (2007), Hamid Reza Alavi (2007), Ab. Halim Tamuri (2007) dan Fathiyah Mohd. Fakhruddin (2010) kerana ini bukan sahaja sebagai teknik berkesan untuk menerapkan akhlak dan nilai murni tetapi juga menegaskan hakikat peranan guru yang sebenarnya.

Secara tuntasnya, dapatan kajian ini selaras dengan ajaran Islam yang jelas menyatakan teknik '*modeling*' merupakan satu kaedah dakwah yang penting. Ini dapat dilihat dari firman Allah yang bermaksud:

*"Sesungguhnya terdapat pada (diri) Rasulullah S.A.W itu suri teladan yang teramat baik untuk kamu contoh"*

(Surah al-Ahzab: ayat 21)

Manakala sabda Nabi Muhammad SAW:

*"Sesungguhnya kamu tidak dapat menawan hati terhadap semua manusia dengan menggunakan harta benda kamu. Oleh itu, bergaullah manusia dengan wajah yang berseri (akhlak mulia).*

(Riwayat Abu Daud & al-Tirmizi)

Teknik kuliah/syarah dan teknik perbincangan merupakan teknik kedua dan ketiga tinggi yang diamalkan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Bahasa Inggeris yang menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi. Bagi teknik kuliah/syarah item guru menerap nilai murni dengan cara menjelaskan maksud nilai murni adalah amalan yang tertinggi bagi guru Bahasa Melayu dan Sejarah, namun ia adalah amalan yang terendah bagi guru Bahasa Inggeris dan Matematik. Walau bagaimanapun persepsi pelajar terhadap item bagi semua guru mata pelajaran yang dikaji menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi dan ini menunjukkan satu dapatan yang memuaskan sahaja.

Dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian Noor Lela Ahmad (2008) yang mendapati guru perakaunan menggunakan teknik syarah dalam menerapkan nilai murni dengan menyelitikan elemen-elemen nilai murni secara langsung semasa menyampaikan pengajaran Prinsip Perakaunan. Dapatan kajian ini juga selari dengan pandangan Veugelers (1997) yang menjelaskan bahawa guru harus memperjelas dan menerapkan nilai bagi memastikan pelajar peka dengan nilai-nilai yang perlu dihayati dan diamalkan. Begitu juga dapatan kajian ini menyokong kajian Veugelers (1996) iaitu guru menjelaskan nilai-nilai yang dirasakan penting kepada pembangunan pelajar. Dengan cara menjelaskan sesuatu nilai, guru turut dapat mengingatkan pelajar akan kesan negatif sekiranya mereka mengabaikan nilai-nilai tersebut (Noor Lela Ahmad, 2008).

Sementara itu, keadaan yang menyebabkan persepsi pelajar berada pada tahap yang terendah terhadap guru Bahasa Inggeris dan Matematik tentang amalan teknik syarah dengan cara menjelaskan maksud nilai murni semasa sesi pengajaran adalah kerana sama ada pelajar kurang faham beberapa istilah nilai-nilai murni yang disebut oleh guru kerana menggunakan Bahasa Inggeris semasa sesi pengajaran dan pembelajaran atau kerana guru sendiri yang agak sukar untuk menjelaskan dan mengaitkannya dengan pelajaran yang diajar. Namun begitu, berdasarkan persepsi pelajar terhadap guru Bahasa Inggeris dan Matematik didapati amalan yang tertinggi ialah guru menjelaskan peraturan dan larangan di sekolah dan memberi sebab-sebab kenapa pelajar mengamalkannya dan ini merupakan satu dapatan yang menarik dan penemuan yang baru. Melalui penjelasan dan penerangan tentang aspek peraturan dan larangan di sekolah beberapa elemen nilai murni turut dijelaskan oleh guru. Dengan itu, melalui amalan ini usaha-usaha untuk memastikan pelajar bertingkah laku baik dan berakhlak juga dapat dibentuk.

Manakala dari aspek teknik perbincangan dapatan kajian ini menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi. Ini menggambarkan bahawa amalan teknik perbincangan masih berada pada tahap yang memuaskan dan baik. Dari segi teknik perbincangan dapat dirumuskan bahawa guru memastikan semua pelajar terlibat dalam aktiviti perbincangan merupakan amalan yang tertinggi bagi setiap guru; ini menunjukkan amalan pada tahap yang sederhana tinggi. Melalui teknik perbincangan ini guru dapat menerapkan nilai-nilai seperti kerjasama, ikhlas dan integriti. Dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian Noor Lela Ahmad (2008) yang mendapati terdapat

guru perakaunan menggunakan teknik perbincangan semasa sesi pengajaran dalam menerapkan nilai-nilai murni. Begitu juga dapatan kajian Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid dan Roselan Baki (2009) menunjukkan guru-guru pelatih lebih banyak menggunakan teknik perbincangan dalam peringkat perkembangan pengajaran.

Ini kerana dengan adanya aktiviti perbincangan akan wujud kumpulan-kumpulan perbincangan yang secara tak langsung akan dapat mewujudkan nilai-nilai murni dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Banyak nilai-nilai murni yang dapat diterapkan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti perbincangan seperti nilai kerjasama, persefahaman, tanggungjawab dan sebagainya. Kajian Noor Lela Ahmad (2008) juga mendapati penggunaan teknik perbincangan berupaya memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar seperti sifat yakin diri, kebolehan berkomunikasi, berani menyuarakan pendapat dan memupuk semangat bekerjasama.

Begitu juga pandangan Barnes (1989) menjelaskan bahawa teknik perbincangan berupaya menjadi satu teknik kepada pelajar bagi meneroka nilai-nilai yang dipegang dan menyedari akan kepentingan nilai tersebut dalam kehidupan. Ini juga selaras dengan pandangan McNair dan Milan (1993) dan Loeb (1988) iaitu penerapan nilai sesuai dilaksanakan melalui teknik perbincangan bagi memupuk nilai-nilai positif dalam kalangan pelajar. Selain itu, teknik perbincangan yang diamalkan oleh guru-guru juga adalah selaras dengan saranan Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) untuk digunakan bagi menerapkan nilai murni kerana teknik ini berupaya merangsang sistem kognitif pelajar untuk berfikir.

Seterusnya, kajian ini mendapati teknik pengukuhan positif dan negatif merupakan teknik kedua dan ketiga tinggi yang diamalkan bagi mata pelajaran Matematik yang juga menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi. Selain itu, dapat dirumuskan hasil kajian menunjukkan bahawa bagi dimensi teknik pengukuhan positif item guru memberi pujian dan galakan apabila pelajar bertingkah laku mengikut peraturan sekolah adalah amalan yang tertinggi dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik. Ini bermakna melalui pujian terhadap keperluan bertingkah laku mengikut peraturan sekolah akan dapat meningkatkan semangat dan motivasi pelajar untuk terus mengamalkan nilai-nilai yang baik. Secara tidak langsung masalah disiplin dapat dikurangkan dan pembentukan nilai murni dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan. Ini selaras dengan pandangan Mohd Khamdani Sairi (2010) bahawa pujian amat penting untuk meningkatkan motivasi dan penghargaan kepada murid. Pujian akan menerapkan nilai-nilai baik seperti ikhlas, jujur dan bertanggungjawab. Lawler (1985) turut berpendapat bahawa ganjaran sama ada dalam bentuk disedari oleh anggota atau tidak disedari seperti pujian atau penghargaan harus diberikan untuk memupuk tingkah laku yang positif. Hal ini juga selari dengan teori penerapan nilai oleh Superka et al. (1976) bahawa antara metod yang digunakan dalam proses pembelajaran menurut pendekatan ini ialah pengukuhan positif.

Bagi dimensi teknik pengukuhan negatif pula didapati bagi setiap mata pelajaran yang dikaji menunjukkan item guru marah kepada pelajar yang melakukan perkara tidak sopan adalah yang tertinggi. Melalui amalan ini beberapa nilai murni dapat diterapkan. Ini kerana teguran, amaran dan sikap marah guru terhadap pelajar yang melakukan perkara tidak sopan akan menyebabkan pelajar tidak berani untuk mengulanginya. Dengan itu usaha untuk membentuk nilai murni dan akhlak pelajar dapat dilaksanakan dengan baik. Secara amnya, dapatan kajian ini menyokong hasil kajian Hukam Dad, Riasat Ali, Muhammad Zaigham Qadeer Janjua, Saqib Shahzad, dan Muhammad Saeed Khan (2010) di Pakistan yang mendapati guru-guru biasanya menggunakan teknik pengukuhan negatif seperti hukuman sebagai alat pembelajaran. Menurut dapatan kajian Hukam Dad et al. (2010) guru-guru Pakistan lebih tertumpu kepada tingkah laku yang tidak diingini dan tidak menumpukan perhatian untuk memperkukuhkan tingkah laku yang diingini. Ini menjelaskan lagi bagaimana aspek pengukuhan negatif diaplikasikan dalam usaha membentuk nilai murni pelajar.

Selanjutnya, dapatan kajian ini menunjukkan teknik yang paling rendah diamalkan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik ialah teknik simulasi yang menunjukkan amalan pada tahap sederhana rendah. Sementara itu, teknik main peranan menunjukkan amalan pada tahap sederhana rendah dan teknik yang paling rendah diamalkan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Ini menunjukkan guru kurang berupaya dalam mengaplikasikan teknik simulasi dan main peranan semasa pengajaran. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Zaridah Othman (2005) dan Robiah Kulop Hamzah (2001) yang juga mendapati teknik simulasi dan main peranan amat jarang dilakukan oleh guru dalam kelas.

Dapatan kajian ini juga dapat disokong melalui hasil kajian Zahara Aziz dan Nik Azleena Nik Ismail (2007) yang mendapati jika dilihat pada kedudukan setiap teknik pengajaran dan pembelajaran mengikut turutan min, guru-guru mempunyai tahap pengetahuan yang agak rendah dalam teknik simulasi dengan nilai min = 2.51 berbanding teknik-teknik lain yang lebih tinggi nilai min. Selain itu, kajian Noor Lela Ahmad (2008) pula mendapati terdapat hanya seorang guru menggunakan teknik main peranan semasa menyampaikan isi kandungan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa berdasarkan persepsi pelajar terhadap guru-guru mata pelajaran yang dikaji, guru-guru telah mengaplikasikan beberapa teknik dalam menerapkan nilai murni semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan kajian ini telah dibincangkan dengan disokong beberapa sumber dan tinjauan kajian lepas bagi mengukuhkan penemuan kajian ini untuk dijadikan rujukan selanjutnya. Penemuan hasil kajian ini telah membuktikan terdapat teknik penerapan nilai murni yang kerap dan sesuai dalam menerapkan nilai murni semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dan penemuan ini telah memberi satu sumbangan baru bagi meredakan kebimbangan McDonald dan Donleavy (1995) yang menyatakan bahawa masih belum ada satu teknik dan strategi pengajaran yang mantap bagi mengintegrasikan nilai dalam kurikulum. Selain itu, teknik-teknik penerapan nilai yang diamalkan oleh guru ini turut dapat membantu merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dalam konteks membentuk insan yang seimbang dan harmonis.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. (2007). Islamic education teachers' perceptions of the teaching of akhlaq in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education*, 36(3), 371-386.
- Aiken, L. R. (2000). *Psychological testing and assessment*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (1999). *Kajian penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahaman Abu Samah, & Turiman Suandi. (1999). *Statistics for social research with computer applications*. Kuala Lumpur, Malaysia: JJ Print & Copy.
- Barnes, H. (1989). Structuring knowledge for beginning teacher. Dlm. M. C. Renolds (Ed.), *Knowledge base for the beginning teacher* (pp. 13-22). Oxford, UK: Pergamon Press.
- Brymen, A., & Cramer, D. (1999). *Quantative data anlysis with SPSS release 8 for Windows: A guide for social scientists*. London, UK: Routledge.
- Chang Lee Hoon. (2006). Teachers as agents of values: Malaysian perspective. *Jurnal Pendidikan*, 26, 51- 60.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2010). *Penerapan elemen falsafah pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah Lembah Klang*. (Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia, Serdang).
- Halstead, J. M. (2007). Islamic values: A distinctive framework for moral education? *Journal of Moral Education*, 36(3), 283-296.
- Hamid Reza Alavi. (2007). Al-Ghazali on moral education. *Journal of Moral Education*, 36(3), 309-319.

- Hukam Dad, Riasat Ali, Muhammad Zaigham Qadeer Janjua, Saqib Shahzad, & Muhammad Saeed Khan. (2010). Comparison of the frequency and effectiveness of positive and negative reinforcement practices in schools. *Contemporary Issues in Education Research*, 3(1), 127-135.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya, Malaysia: KPM. Diakses dari [http://www.moe.gov.my/cms/upload\\_files/articlefile/2013/articlefile\\_file\\_003107.pdf](http://www.moe.gov.my/cms/upload_files/articlefile/2013/articlefile_file_003107.pdf)
- Kutnick, P. (1990). A survey of primary school teachers' understanding and implementation of Moral Education in Trinidad and Tobago. *Journal of Moral Education*, 19(1), 48 – 57.
- Lawler, E. E. (1985). Education, management style and organization effectiveness. *Personnel Psychology*, 38, 1-26.
- Loeb, S. E. (1988). Teaching students accounting ethics: Some crucial issues. *Issues in Accounting Education*, 3, 216-239.
- McDonald, G. M., & Donleavy, G. D. (1995). Objections to the teaching of business ethics. *Journal of Business Ethics*, 14(10), 839-853.
- McNair, F., & Milam, E. E. (1993). Ethics in accounting education: What is really being done. *Journal of Business Ethics*, 12(10), 797-809.
- Mohamad Khairi Hj. Othman, Asmawati Suhid, & Roselan Baki. (2009, Disember). *Penerapan nilai murni dalam pengajaran: Perspektif guru-guru pelatih*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Khamdani Sairi. (2010). *Pendekatan penerapan nilai murni perkhidmatan awam oleh pengetua dalam pengurusan sekolah*. (Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Mohd. Uzi Dollah. (2007). *Penerapan nilai dalam pengajaran guru matematik sekolah menengah: Satu kajian kes*. (Tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang).
- Noor Lela Ahmad. (2008). *Amalan penerapan nilai murni guru perakaunan dalam pengajaran Prinsip Perakaunan*. (Tesis Ph.D, Univerisiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory*. New York, NY: McGraw- Hill.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1990). *Pukal latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah: Falsafah pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR / KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Robiah Kulop Hamzah. (2001). *Kajian terhadap penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah rendah di Hulu Langat, Selangor*. (Tesis Ph.D Univerisiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Superka, D. P., Ahren, C., Hedstrom, J. E, Ford, L. J., & Johnson, P. L. (1976). *Value education sourcebook*. Boulder, CO: Social Science Education Consortium.

- Teuku Ramli Zakaria. (1997). *Peranan pengajaran pendidikan "Pancasila" dalam pembinaan sikap moral pelajar sekolah menengah umum tingkat atas di daerah khusus Ibukota Jakarta*. (Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Veugelers, W. (1996, April). *Teaching values and critical thinking*. Pembentangan dalam perhimpunan tahunan American Educational Research Association, New York.
- Veugelers, W. (1997, Mac). *Teaching and learning on moral dilemmas*. Pembentangan dalam perhimpunan tahunan American Educational Research Association, Chicago, IL.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. (1988). *Ke arah pelaksanaan nilai-nilai murni di dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum Dalam KBSM di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Zahara Aziz, & Nik Azleena Nik Ismail. (2007). Kajian tinjauan kesediaan guru-guru Sejarah menerapkan kemahiran pemikiran Sejarah kepada para pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 32, 119-137.
- Zaidatun Tasir, & Mohd. Salleh Abu. (2003). *Analisis data berkomputer: SPSS 11.5 for Windows*. Kuala Lumpur, Malaysia: Venton.
- Zaridah Othman. (2005). *Amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran mata pelajaran KBSM di Sekolah Menengah Daerah Jasin: satu kajian kes*. (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).